

**GARIS PANDUAN BAGI MELAKSANAKAN
ANUGERAH INOVASI KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (AI-KSU)**

1. TUJUAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini bertujuan membantu Jabatan / Bahagian / Unit di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat permohonan untuk menyertai Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (AI-KSU).

**2. ANUGERAH INOVASI KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (AI-KSU)**

2.1 Definisi Inovasi

Inovasi dalam Perkhidmatan Awam adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Hasil inovasi ini boleh merangkumi apa-apa perubahan kepada sistem, prosedur dan kaedah dalam penyampaian perkhidmatan awam.

Pelaksanaan hasil inovasi ini akhirnya dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan serta memberi faedah dan kepuasan kepada pelanggan.

2.2 Objektif Anugerah

Anugerah ini diwujudkan dengan tujuan:

- a) Memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi yang diperkenalkan oleh Jabatan / Bahagian / Unit di KPKT;
- b) Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja yang diamalkan;
- c) Memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah agensi lain; dan
- d) Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

2.3 Bentuk Anugerah

Pemenang-pemenang AI-KSU akan menerima pengiktirafan seperti berikut:

Kategori	Hadiah
Terbuka	Wang tunai sebanyak RM2,000, plak dan sijil penghargaan.

2.4 Syarat-syarat Penyertaan

Syarat-syarat penyertaan AI-KSU adalah seperti berikut:

- a) Inovasi hendaklah dihasilkan oleh agensi Kerajaan;
- b) Penyertaan dalam AI-KSU hendaklah **melalui ketua Jabatan / Bahagian / Unit**;
- c) Inovasi yang dihasilkan hendaklah **memberi faedah yang jelas** dari segi meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi;
- d) Hasil inovasi yang diketengahkan adalah yang **pertama kali** diperkenalkan dalam Perkhidmatan Awam; dan
- e) Inovasi yang berusia **tidak melebihi tiga tahun** dari tarikh ianya diperkenalkan.

2.5 Tumpuan dan Kriteria Penilaian Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tumpuan penilaian dan kriteria yang digunakan dalam proses penilaian dan pemilihan AI-KSU adalah seperti berikut:

Tumpuan Penilaian Pertama : Idea

Idea yang dicetuskan bagi menghasilkan sesuatu inovasi itu diukur dari segi kreativiti iaitu dengan menilai keaslian dan adaptasi inovasi tersebut.

Kriteria Penilaian 1 : Kreativiti

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri keaslian dan adaptasi. Penerangan mengenai kriteria ini perlu mempunyai ciri-ciri berikut:

(i) Keaslian

Inovasi yang dihasilkan adalah idea yang asli.

(ii) Adaptasi

Inovasi yang dihasilkan merupakan penambahbaikan atau pengubahsuaian idea sedia ada.

Tumpuan Penilaian Kedua : Hasil inovasi (*Output*)

Hasil inovasi (*output*) diukur dengan mengambil kira tahap pelaksanaan dan *replicability* sesuatu inovasi itu.

Kriteria Penilaian 2 : Tahap Pelaksanaan

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap pelaksanaan inovasi yang dihasilkan sama ada ia telah berjaya dilaksanakan sehingga ke peringkat seperti berikut:

(i) Secara penuh (melempi peringkat percubaan); atau

(ii) Secara percubaan (di peringkat prototaip).

Kriteria Penilaian 3 : *Replicability*

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri *replicability* dan terdapat bukti inovasi boleh diguna pakai oleh agensi-agensi lain seperti berikut:

(i) Dilaksanakan secara terus di pelbagai tempat; dan

(ii) Dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi.

Tumpuan Penilaian Ketiga : Impak (*Outcome*)

Impak (*outcome*) dinilai dengan melihat kepada kriteria efisien (kecekapan) dan signifikan sesuatu inovasi tersebut.

Kriteria Penilaian 4 : Efisien

Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri efisien iaitu yang dapat menyumbang kepada:

- (i) Penjimatan masa
- (ii) Penjimatan kos
- (iii) Peningkatan Produktiviti
- (iv) Mudah digunakan (*user-friendly*).

Kriteria Penilaian 5 : Kesesuaian

Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri signifikan dan terdapat bukti yang nyata inovasi dapat memberi impak kepada keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dalam:

- (i) Perkhidmatan Awam
- (ii) Organisasi
- (iii) Jabatan/Bahagian/Unit

Tumpuan Penilaian Keempat : Pengurusan

Aspek pengurusan dinilai dengan memberi penekanan kepada komitmen pihak pengurusan atasan.

Kriteria Penilaian 6 : Komitmen

Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana komitmen pengurusan atasan dalam memberi sokongan dari segi:

- (i) Kewangan
- (ii) Pengurusan Sumber Manusia
- (iii) Insentif
- (iv) Penghargaan
- (v) Peralatan

Pembahagian Markah Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Pembahagian markah diberikan mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

Proses Penilaian Dan Pemilihan Penerima Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Penilaian dan pemilihan penerima AI-KSU dibuat melalui beberapa peringkat seperti dijelaskan di **Lampiran B**.

3. TATACARA PERMOHONAN

Agensi yang hendak menyertai AI-KSU hendaklah menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:

- a) Melengkapkan borang permohonan dengan ditandatangani oleh Ketua Jabatan / Bahagian / Unit seperti dijelaskan di **Lampiran C**.
- b) Menyediakan laporan inovasi dalam Bahasa Malaysia yang mengandungi perkara-perkara berikut:
 - (i) penerangan mengenai inovasi yang diperkenalkan, objektif, tempoh pelaksanaan sama ada secara penuh atau percubaan dan lokasinya;
 - (ii) penerangan ringkas mengenai kedudukan sebelum inovasi dilaksanakan;
 - (iii) masalah-masalah yang dihadapi sebelum inovasi dilaksanakan; dan
 - (iv) faedah-faedah pelaksanaan inovasi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
- c) Mengemukakan borang permohonan bersama-sama laporan inovasi kepada urus setia AI-KSU seperti di bawah sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.

**Bahagian Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 2, Blok K
Pusat Bandar Damansara
50782 Kuala Lumpur
(u.p: Urus Setia AI-KSU 2010)**

No. Telefon : 03- 2099 2416/3069/3213
No. Faks : 03- 2094 4133
E-mel : kristin@kpkt.gov.my
wani_hashim@kpkt.gov.my

**Kriteria Penilaian Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (AI-KSU)**

Tumpuan Penilaian	Kriteria	Wajaran	Markah Penuh
Idea	1. Kreativiti		25
	a. Keaslian; atau	25	
	b. Adaptasi	20	
Hasil Inovasi (Output)	2. Tahap Pelaksanaan		20
	a. secara penuh (melempi peringkat percubaan); atau	20	
	b. percubaan (di peringkat prototaip)	15	
	3. Replicability		10
	a. Boleh dilaksanakan terus di pelbagai tempat; atau	10	
b. Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi	5		
Impak (Outcome)	4. Efisien (Kecekapan)		20
	a. Jimat Masa	5	
	b. Jimat Kos	5	
	c. Tingkatkan Produktiviti	5	
	d. Mudah Digunakan	5	
	5. Kesesuaian		20
	a. Impak Kepada Perkhidmatan Awam;		
	b. Impak Kepada Organisasi; c. Impak Kepada Jabatan / Bahagian / Unit		
Pengurusan	6. Komitmen Pengurusan Atasan telah memberi sokongan dari segi		5
	<ul style="list-style-type: none"> • sumber kewangan • sumber manusia • insentif • penghargaan • peralatan 		
Jumlah Keseluruhan			100

Proses Penilaian dan Pemilihan Penerima AI-KSU

i. Peringkat Pertama : Tapisan oleh Pihak Urus Setia

Semua permohonan yang diterima akan dibuat tapisan di peringkat Urus Setia untuk memastikan permohonan memenuhi **syarat-syarat penyertaan dan tatacara permohonan** yang telah ditetapkan.

ii. Peringkat Kedua : Penilaian Berasaskan Laporan

Semua laporan inovasi yang diterima akan dinilai oleh Panel Penilai. Penilaian akan dilaksanakan berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan (seperti di Lampiran A).

iii. Peringkat ketiga: Penilaian Inovasi yang Disenarai Pendek Berasaskan Taklimat dan Demonstrasi

Pada peringkat ini, inovasi yang **disenarai pendek** oleh Panel Penilai akan dijemput untuk memberi taklimat serta demonstrasi mengenai projek inovasi masing-masing.

Taklimat ini bertujuan untuk membolehkan Panel Penilai mendapat maklumat terperinci, penjelasan lanjut dan membuat pengesahan ke atas pematuhan kriteria penilaian yang ditetapkan.

FORMAT LAPORAN INOVASI ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN AWAM

1. Laporan inovasi hendaklah dihasilkan dalam Bahasa Malaysia dan mengandungi perkara-perkara berikut:
 - (a) Penerangan mengenai **inovasi** yang diperkenalkan:
 - ✚ Objektif;
 - ✚ Tempoh pelaksanaan sama ada secara penuh atau percubaan; dan
 - ✚ Lokasinya
 - (b) Penerangan ringkas mengenai kedudukan **sebelum inovasi** dilaksanakan;
 - (c) **Masalah-masalah** yang dihadapi sebelum inovasi dilaksanakan;
 - (d) **Faedah-faedah pelaksanaan inovasi** bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan mengikut kriteria penilaian yang telah ditetapkan. Penerangan mestilah disokong dengan data dan bukti yang nyata;
 - (e) **Tahap pelaksanaan**;
 - (f) **Replicability**;
 - (g) **Efisien**;
 - (h) **Kesesuaian**;
 - (i) **Komitmen pengurusan atasan** dari segi kewangan, pengurusan sumber manusia, insentif, penghargaan dan peralatan; dan
 - (j) Gambar-gambar inovasi berserta dengan tajuk
 - i. Bersaiz 4R;
 - ii. Minimum empat (4) keping; dan
 - iii. Sekurang-kurangnya satu (1) keping gambar sebelum inovasi dan satu (1) keping gambar selepas inovasi
2. Empat (4) salinan *hardcopy* dan satu (1) salinan *softcopy* laporan perlu dihantar untuk satu projek inovasi.
3. Format penulisan laporan inovasi adalah seperti berikut:
 - a. Jenis Fon – Arial
 - b. Saiz Fon – 12
 - c. *Spacing* – 1.5

LAMPIRAN C

**BORANG PERMOHONAN
ANUGERAH INOVASI KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

1. Maklumat Jabatan / Bahagian / Unit:

Nama : _____

Alamat : _____

2. Tajuk Projek Inovasi:

3. Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi:

Nama : _____

Jawatan : _____

No. Tel. : _____

No. Faks : _____ **E-mel** : _____

4. Pengesahan Ketua Jabatan / Bahagian / Unit :

Saya mengesahkan bahawa inovasi ini adalah pertama kali diperkenalkan di
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Tandatangan Ketua Jabatan
/ Bahagian / Unit**

Cop

Nama :

Jawatan :

Tarikh :